

26 FEB 2003

NAM-Mahathir (Iraq)/I

PEMIMPIN NAM TIDAK AKAN MELAWAT IRAQ, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) tidak akan menghantar pemimpinnya ke Baghdad untuk melihat pemeriksaan senjata yang dilakukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, kata Pengerusi NAM Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lewat malam tadi.

Beliau berkata lawatan itu tidak perlu kerana pergerakan itu yakin bahawa Iraq memberikan kerjasama kepada pemeriksa senjata itu.

"Kami tidak minta diyakinkan, orang lain yang mahu diyakinkan," katanya pada persidangan berita pada akhir Sidang Kemuncak ke-13 NAM di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri berkata pihak berkuasa yang kompeten dalam menjalankan tugas itu seharusnya pemeriksa senjata berkenaan sambil menegaskan tiada siapa yang akan mendengar cakap pemimpin NAM jika dapatan mereka menunjukkan bahawa tidak terdapat senjata pemusnah besar-besaran di Baghdad.

Naib presiden Iraq Taha Yassin Ramadan, dalam kenyataan negaranya yang dibentangkan pada perbahasan umum sidang kemuncak itu telah menjemput NAM menghantar "rombongan menteri atau delegasi peringkat tinggi" ke Iraq untuk melihat kerjasama Baghdad dengan pemeriksa senjata.

Mengenai sama ada NAM akan menganggap sebarang serangan terhadap Iraq merupakan serangan terhadap NAM dan OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) seperti prinsip yang diamalkan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO), Dr Mahathir berkata:

"Tentunya NAM dan OIC bukan sekutu ketenteraan dan kami sebenarnya tidak boleh berperang jika kemungkinan sebuah daripada negara anggota kami diserang tetapi kami cuba mendapatkan sokongan moral bagi pendirian kami," katanya.

Beliau berkata sokongan moral agak berkesan dalam jangka panjang sambil menegaskan bahawa beliau berharap peperangan tidak akan berlaku langsung.

Perdana Menteri berkata NAM akan membantu membangunkan semula Iraq selepas kemusnahan jika berlaku perang.

"Selepas peperangan orang akan mahu emmbina semula seperti tabiat biasa dunia ini, anda musnahkan dan anda bina semula, ia satu pembaziran wang," katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada enam anggota NAM dalam Majlis Keselamatan PBB boleh memberikan satu pendirian bersama semasa mengundi terhadap resolusi kedua PBB mengenai Iraq yang akan dibentangkan oleh Amerika Syarikat dan Britain.

Enam negara anggota NAM itu ialah Pakistan, Syria, Angola, Chile, Cameroon dan Guinea.

"Saya tidak tahu sama ada kami boleh atau tidak (menyatukan sokongan mereka) tetapi jika ia perlu kami akan cuba bagaimanapun kami jangkakan bahawa sebarang keputusan yang bukannya memihak pada negara tertentu akan diveto oleh negara itu," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia menghargai pendirian Perancis dalam menentang rancangan perang yang diketuai Amerika Syarikat terhadap Iraq.

"Bagi kami, ia merupakan satu tindakan berani bagi Perancis untuk menentang Amerika dalam perkara ini tetapi saya tahu ini tidak bermakna Perancis mahu mendokong kerajaan Iraq. Ia kerana Perancis bimbang mengenai akibat peperangan terhadap nyawa manusia."

Dr Mahathir berkata Perancis mahu melihat keamanan di Asia Barat.

Perdana Menteri berkata NAM menentang peperangan sama ada multilateral

atau unilateral kerana ia melibatkan pembunuhan kejam walaupun pergerakan itu terikat dengan keputusan PBB.

"Kami tidak menyokong perbuatan membunuh kejam manusia dalam apa jua cara sama ada dengan menggugurkan bom atau menghempaskan kapal terbang ke dalam bangunan. Kami menentang peperangan," katanya.

Ditanya sama ada beliau menjangkakan Amerika akan mengambil perhatian terhadap pendirian NAM menentang peperangan, beliau percaya Amerika akan mengambil kira bantahan dari seluruh dunia.

"NAM akan menambah kepada kesepakatan suara rakyat dari seluruh dunia yang menentang peperangan," katanya.

Kepada satu soalan mengenai kenyataan Setiausaha Agung PBB Kofi Annan bahawa dunia perlu mengambil perhatian bahawa demonstrasi anti peperangan juga menyokong pelucutan senjata Iraq, Dr Mahathir berkata mereka yang dibantah dalam demonstrasi itu akan mengatakan bahawa perhimpunan anti peperangan adalah tidak bermakna.

Dr Mahathir berkata walaupun ia merupakan satu tugas sukar untuk meyakinkan kuasa besar bahawa mereka juga perlu menghapuskan senjata pemusnah besar-besaran milik mereka, NAM akan terus menyuarakan penentangan mengenai perkara itu.

"Jika kami hanya berdiam diri dan membiarkan mereka dengan kemahuan mereka, nyata sekali mereka tidak akan berasa bersalah langsung atau berasa tidak selesa memiliki senjata itu, atau barang dijauhi Allah, apabila mereka menggunakan senjata itu. Jadi kita mesti terus mendesak semua orang supaya melupuskan senjata pemusnah besar-besaran," katanya.

Mengulas perkembangan terbaru Korea Utara yang menguji senjatanya semalam, beliau berkata senjata yang terlibat bukannya senjata nuklear.

"Negara lain juga menguji senjata mereka, jadi saya rasa hanya kerana mereka menguji senjata mereka tidak bermakna mereka mengisytiharkan perang," katanya.

Mengenai saranan pemimpin Palestin Yasser Arafat supaya NAM menghantar misi pencarian fakta ke negara yang musnah kerana peperangan itu, Dr Mahathir berkata beliau menyambut baik jempunan itu.

"Tetapi saya agak yakin bahawa Israel tidak akan membenarkannya seperti juga Israel tidak membenarkan satu misi pencarian fakta pergi ke Jenin selepas pembunuhan beramai-ramai penduduk Jenin," katanya.

-- BERNAMA

JM HS RON